

JKKKP diarah kenal pasti sawah tenggelam

● SALIM SHAARI | BERITA HARIAN

SUNGAI BESAR: Keresahan petani di Parit Dua hingga 12, di sini, akibat kerugian berikutan sawah ditenggelami air akhirnya terubat apabila mereka dijanjikan bantuan bagi menyelesaikan masalah itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata kementerianya memahami masalah dihadapi petani dan sudah meminta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) mengenal pasti sawah terbabit.

“JKKKP perlu membuat bancian dan sebagai petani, mereka perlu ikhlas ketika mengisi borang. Selepas itu, pegawai di Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) akan membuat pemantauan untuk pengesahan sebelum membuat laporan dan permohonan peruntukan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika turun padang meninjau sawah padi yang ditenggelami air sehingga menyebabkan ada petani menanggung kos kerugian.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohammad Shafie Asnawi; Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Abd Rahman Bakri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Datuk Warno Dogol; Pengerusi



JOHARI (kiri) meninjau keadaan sawah yang ditenggelami air.

Jabatan Pengairan dan Saliran dan IADA membantu mengepam air keluar tetapi kemampuan kita terhad kerana hujan berterusan menyebabkan sawah ditenggelami air

Mohd Johari Baharum

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar, Datuk Ramli Norani dan wakil jabatan berkaitan.

Kerosakan padi di sawah padi berkenaan berlaku di peringkat awal iaitu antara satu hingga 40 hari.

Hampir 400 lot sawah milik petani ditenggelami air sejak beberapa hari lalu dan ada antaranya tenggelam sejak 20 hari lalu sehingga menyebabkan padi rosak.

Mohd Johari berkata, keadaan hujan berterusan menyebabkan usaha mengeringkan sawah sukar dilakukan.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan IADA membantu mengepam air keluar tetapi kemampuan kita terhad kerana hujan berterusan menyebabkan sawah masih ditenggelami air.

“Bagaimanapun, usaha mengepam air keluar akan terus dilakukan supaya kerosakan padi dapat dikurangkan,” katanya.